

Hanya blok politik mampu jatuhkan kerajaan

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**

utusannews@mediamulia.com.my

KANGAR: Kerajaan perpaduan diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilihat sukar digugat dan mampu bertahan sehingga habis penggal.

Kerajaan hanya boleh tumbang sekiranya blok-blok parti politik terbabit menarik sokongan terhadap Anwar dan sama sekali tidak terkesan sekiranya hanya wakil rakyat yang bertindak menarik sokongan tersebut.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Penganalisis politik dari Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dr. Sivamurugan Pandian berkata, Rang Undang-Undang (RUU) Anti Lompat Parti sememangnya secara jelas terpakai kepada wakil rakyat secara individu namun blok parti politik masih boleh menarik sokongan terhadap sesebuah kerajaan.

“RUU Anti Lompat Parti itu lebih jelas terpakai untuk indi-

vidu sahaja kerana dalam Perlembagaan Perkara 43 menyatakan hanya wakil rakyat secara individu, namun tidak dinyatakan secara blok atau bersama.

Anwar harap pemuafakatan kekal hingga habis penggal

Oleh **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim berharap pemuafakatan yang dibentuk bersama gabungan politik semalam akan berterusan sehingga penggal Parlimen berakhir lima tahun akan datang.

Berdana Menteri berkata, beliau percaya bahawa komitmen gabungan dalam membentuk Kerajaan Perpaduan adalah untuk menyokong sebuah kerajaan yang stabil.

“Semua parti dan gabungan politik yang memasuki perjanjian persefahaman ini sudah menyatakan komitmen mereka untuk terus menyokong saya sebagai Perdana Menteri.

“Jika anda lihat apa yang sudah dirangka, perbincangan yang hebat (*intense*) untuk memahami dan komitmennya ada-



ANWAR Ibrahim (tengah) selepas majlis menandatangani pemuafakatan antara gabungan di bawah Kerajaan Perpaduan di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

berkait soal tatakelola dan memacu pertumbuhan ekonomi dengan lebih yakin.

tuh hak Sabah dan Sarawak. “Saya juga ingin mengesahkan bahawa draf awal MA63 akan

Antara matlamat di-kan termasuk mewujudkan masyarakat adil dan n-

“Jadi katakanlah ada 10 orang wakil rakyat daripada Barisan Nasional (BN) menarik sokongan terhadap kerajaan perpaduan, ia masih tidak meng-

ganggu kedudukan Anwar melainkan jika membabitkan satu blok parti politik dan disusuli blok parti lain,” katanya.

Kelmarin, *Utusan Malaysia*

Um - 18/12/2022 wld: 7

melaporkan, lima gabungan parti politik memeterai pemuafakatan dan perjanjian persefahaman (MoU) bagi mengukuhkan pentadbiran kerajaan perpaduan.

Antara isi kandungan perjanjian tersebut adalah wakil rakyat terlibat perlu mengundi dan menyokong setiap usul percaya dan rang undang-undang perbekalan atau apa-apa usul berbentuk prosedur yang mempunyai kesan kepada keabsahan Kerajaan Persekutuan.

Dalam pada itu, Sivamurugan berkata, beliau melihat matlamat asas MoU berkenaan adalah bertujuan mempertahankan titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

“Selain itu, kerajaan perpaduan cuba memberikan kestabilan politik menerusi MoU ini walaupun berbeza ideologi dan fahaman politik dalam kalangan wakil rakyat yang memberi sokongan,” katanya.

KERATAN Utusan Malaysia 17 Disember.